

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Cegah komunis bertapak di sempadan Program Kesban dipertingkatkan

BUKIT KAYU HITAM, Khamis — Kerajaan akan memajukan kawasan sempadan Malaysia-Thailand serta sempadan Indonesia-Sabah dan Sarawak bagi menghalang propaganda komunis.

Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata program Keselamatan dan Pembangunan (Kesban) juga akan dipertingkatkan bagi mencegah saki-baki komunis bertapak di kawasan sempadan.

Bagaimanapun, katanya, perjuangan komunis dapat disekat hasil kerjasama pasukan keselamatan Malaysia-Thailand.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Kem 304 Askar Wataniah di sini hari ini, beliau berkata, mengikut laporan kira-kira 1,123 anggota komunis saja masih bergerak di sempadan Malaysia-Thailand.

Oleh RAZALI ZAKARIA

Menurutnya, Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia-Thailand baru-baru ini, juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama, termasuk mengadakan beberapa siri latihan bersama bagi menghapuskan saki baki komunis di kedua-dua negara.

Mengenal perjanjian pembelian senjata Malaysia-Britain yang bernilai \$4,600 juta, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, tidak semestinya semua wang itu akan dibelanjakan untuk pembelian senjata.

"Jumlah itu adalah harga peralatan pertahanan yang disenaraikan dan kerajaan akan membuat pilihan," katanya.

Menurutnya, pembelian itu terpaksa ditangguh sehingga beberapa perkara diselesaikan.

Berucap di majlis perjumpaan dengan anggota di kem itu pula, Tengku Ahmad Rithauddeen berharap pasukan tentera kerajaan meningkatkan kecekapan, termasuk penggunaan senjata.

Sebelum itu beliau mendengar taklimat keselamatan di bilik gerakan kem berkenaan dan Kompleks Pemeriksaan Imigresen.

Penolong Panglima Tadbir Kementerian Pertahanan, Brig Jen Datuk Abu Samah Abu Bakar; Pegawai Pemerintah 305 Askar Wataniah, Lt Kol Mohammad Haji Hassan; Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKN), Raja Yahya Aziz Raja Ngah Ali, turut hadir.